

16 OCT 1996

Mahathir-Pas

BARISAN NASIONAL TAK PERLU BELI WAKIL RAKYAT PAS

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO tidak perlu membeli wakil rakyat Pas untuk membolehkan Barisan Nasional menerajui pucuk pemerintahan negeri Kelantan.

"Kita tidak perlu kepada mereka. Kita tidak perlu beli mereka," kata Perdana Menteri apabila ditanya mengenai desas-desus kononnya ada usaha untuk membeli anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan daripada Pas bagi membolehkan BN memerintah negeri itu.

"Saya tak tahu apa-apa mengenainya," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen.

"Kalau mereka nak masuk itu lainlah...tapi bila dah masuk jangan pula kata kita beli," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa bekas anggota dan pemimpin parti Melayu Semangat 46 (S46) mahu menyertai semula UMNO, parti itu (UMNO) tidakpun membeli mereka.

BN kini mempunyai 18 anggota selepas kemasukan 11 bekas anggota S46 ke dalam UMNO manakala PAS mempunyai 25 anggota dalam Dewan Undangan Negeri itu.

Mengenai titah Sultan Kelantan ketika merasmikan persidangan dewan itu Isnin lepas supaya kerajaan Pas bekerjasama dengan kerajaan Pusat, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat sentiasa menyabut baik kerjasama dengan kerajaan Kelantan.

Beliau berkata beliau tidak nampak sebab mengapa kerajaan Pas tidak boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat.

"Kita mengalu-alukan kerjasama dengan kerajaan Pas. Memangnya kita bekal wang yang banyak kepadanya (kerajaan negeri pimpinan Pas)," katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO